


**BELATUK BELANG**  
Speckled Piculet

FAMILI: Picidae  
NAMA SAINTIFIK: *Picumnus innominatus*



**CIRI-CIRI**

Individu jantan dewasa bagi sub-spesies *P.i.malayorum*, ia bersaiz agak kecil dan berekor pendek dengan bahagian atas kepala, bahagian tepi telinga dan garisan di atas paruh berwarna hijau buah zaitun, terdapat garisan tebal di bahagian atas mata yang berwarna putih dan bahagian bawah badan berwarna putih dengan terdapat bintik-bintik kehitaman yang jelas. Diperhatikan bahagian depan atas kepala berwarna kuning pucat-kemerahan dengan jalur-jalur kehitaman, hampir seluruh bahagian atas badan berwarna hijau buah zaitun manakala bahagian tengah ekor berwarna putih. Bagi burung juvenile, ia hampir sama dengan burung dewasa tetapi warna paruhnya agak pudar. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 9-10.5 sm.

**MAKANAN**

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga pada celah-celah pokok.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan tanah pamah, hutan sekunder dan juga kawasan berbuluh sehingga ketinggian 1,830 m dari aras laut (915-1,370 m dari aras laut di Semenanjung Malaysia)

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi kawalan kawalan *ti-ti-ti-ti* yang bernada tinggi. Kadang kala ia mengeluarkan bunyi *tsit* dan *sik-sik-sik*.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Januari hingga bulan April pada sepanjang tahun. Sarang adalah pada lubang-lubang pada buluh atau pokok-pokok kecil dan ketinggian sarang adalah dari 1-5 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-4 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna putih berkilat. Anggaran saiz bagi telur adalah 14.8 x 12 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.